

40 pelajar sertai program Bakti Siswa UUM 3 April

um 29/3/05 26:3

ALOR STAR 28 Mac — Seramai 40 pelajar Kelab Pengurusan Sumber Manusia (HR-MC) Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia (FPSM), Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menjelajah Kampung Tembun, Kuala Kelawang, Jelebu, Negeri Sembilan bagi mengikuti program Bakti Siswa bermula 3 April ini.

Pengarah projek, Mohd. Syaiful Bahrin Abu Bakar berkata program yang bertema 'Mahasiswa Gemilang Pencetus Masyarakat Hadhari' itu bertujuan mengeratkan hubungan antara mahasiswa dan masyarakat kampung di samping memberi penekanan tentang pentingnya khidmat sosial kepada masyarakat tidak kira sama ada ketika belajar atau tamat pengajian kelak.

Beliau berkata program itu juga akan dapat mendedahkan mahasiswa dengan kehidupan penduduk kampung dan pelbagai aktiviti seharian masyarakat Kampung Tembun.

"Program yang akan berlangsung selama enam hari itu akan menjadi wadah interaksi yang sihat antara mahasiswa dengan masyarakat khususnya golongan remaja dan melalui interaksi itu para pelajar dapat memberi sedikit sumbangan ke arah pembangunan pendidikan masyarakat kampung tersebut," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Lebih menarik lagi, program itu akan membolehkan para peserta tinggal bersama keluarga angkat masing-masing selama enam hari dengan pelbagai latar belakang kehidupan bagi membolehkan mereka menimba pengalaman yang cukup berharga untuk dikenang buat selamanya.